

Kes diabetes di China membimbangkan

kesma 5/1/13 ms 51

BEIJING - Hampir 12 peratus orang dewasa di China menghidap diabetes pada 2010 ekoran kemakmuran ekonomi, sekali gus lebih tinggi daripada bilangan pesakit berkenaan di Amerika Syarikat (AS), kata beberapa penyelidik kelmarin.

Menurut kajian yang di siarkan dalam penerbitan *Journal of the American Medical Association (JAMA)*, sebanyak 11.6 peratus orang dewasa yang merangkumi 12.1 peratus lelaki dan 11 peratus wanita menghidap penyakit itu pada 2010.

Angka tersebut menyaksikan sebanyak 113.9 juta kes diabetes dicatatkan di China.

Di seluruh dunia, terda-



GAMBAR fail pada 3 Januari 2009 menunjukkan sejenis alat digunakan untuk mengukur kandungan gula dalam darah pesakit diabetes. - AP

pat 371 kes diabetes yang menyerang 8.3 peratus penduduk global.

"Penyakit diabetes me-

ningkat dengan mendadak di China sejak beberapa dekad lalu," menurut JAMA.

"Data ini menunjukkan

diabetes mencapai tahap membimbangkan di China dengan risiko berlakunya wabak berkaitan penyakit itu seperti penyakit kardiovaskular, strok dan penyakit ginjal kronik dalam masa terdekat," tambahnya.

Tambah kajian sama, hanya 30 peratus penduduk China yang menghidap diabetes sedar keadaan mereka.

Kajian itu lagi menyatakan, sekitar separuh populasi China mempunyai kadar gula dalam darah yang tinggi, sekali gus meningkatkan risiko mereka menghidap diabetes.

Penemuan itu berdasarkan sejumlah sampel yang diambil secara rawak di negara itu. - AFP